



Headline: Macau Scam menyamar pegawai KKM, polis
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 12 April 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 68

Macau Scam menyamar pegawai KKM, polis



Chan Teck Paing

Alor Setar: Sindiket Macau Scam yang menggunakan panggilan telefon untuk memperdayakan mangsa, dikesan menggunakan kaedah terbaru dengan menyamar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sindiket itu dipercayai bergiat aktif sejak beberapa hari lalu berikutan empat mangsa terbabit membuat laporan polis dalam tempoh dua hari lalu selepas mengesyaki sesuatu mencurigakan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kedah, Superintendan Chan Teck Paing, berkata, empat individu terbabit masing-masing membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar.

Beliau berkata, dua laporan

polis itu dibuat Ahad lalu dan kelmarin di balai sama oleh empat mangsa berusia 40-an hingga 59 tahun.

"Mereka mendakwa dihubungi individu dengan nombor telefon sama iaitu daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPCB) KKM menggunakan nombor telefon 03-78835400.

Guna identiti mangsa

"Sindiket itu menghubungi mangsa dan memberitahu ada pihak hadir ke hospital menggunakan identiti mangsa terbabit untuk mengambil ubat tidur sebanyak 21 biji sebanyak tiga kali.

"Suspek turut meminta mangsa membuat laporan polis bagi meyakinkan mangsa," ka-

tanya ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Teck Paing berkata, sekiranya mangsa bersetuju, sindiket itu akan memindahkan panggilan kepada sekutunya yang menyamar 'polis' kononnya untuk memudahkan laporan dibuat.

Sasar pesara, kerani

Bagaimanapun, keempat-empat mangsa itu bernasib baik apabila memutuskan talian selepas mengesyaki sesuatu mencurigakan sebelum membuat laporan di balai polis.

"Sindiket ini menyasarkan kaum Cina yang terdiri daripada pesara, kerani dan peniaga di sekitar negeri ini yang bertujuan mendapatkan wang dengan jalan mudah.

"Tiada kerugian dialami ke-

rana semua mangsa membuat laporan polis untuk memudahkan kita menjalankan siasatan," katanya.

Teck-Paing berkata, pihaknya percaya sindiket itu beroperasi dalam sebuah bangunan yang menjadi pusat untuk menghubungi mangsa bagi memperdaya mereka.

"Setakat ini kita sedang mengumpul maklumat berkaitan sindiket ini dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan mereka supaya tampil membantu pihak kami.

"Saya percaya berkemungkinan ramai lagi yang menjadi mangsa kerana dalam tempoh dua hari, sudah ada empat laporan polis berhubung kes ini," katanya.